

12/02/1997

30,000 guru multimedia untuk sekolah bestari

Khairul Anuar Samad

KONSEP sistem pendidikan tradisional di Malaysia akan terombak keseluruhannya dengan kemunculan sekolah bestari (smart school) menjelang 1999, sekali gus mengubah sikap pelajar yang banyak bergantung kepada tenaga pengajar, kepada sistem lebih efektif, iaitu konsep berbantuan teknologi maklumat (IT).

Memandangkan antara lapan aplikasi dalam pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah sekolah bestari, Kementerian Pendidikan sudah mengorak langkah awal dalam pembentukannya terutama penyediaan tenaga pengajarnya.

Untuk itu, kementerian menyediakan peruntukan RM5 juta bagi melatih 1,780 pelatih mahir IT serta mengendalikan kursus IT dalam Matematik, Sains, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk 30,000 guru sekolah rendah dan menengah.

Malahan untuk memantapkan lagi pembentukan sekolah bestari itu, kementerian juga menyediakan peruntukan sebanyak RM12 juta bagi membina makmal multimedia di 31 maktab latihan perguruan.

Dalam perancangan kementerian, sebanyak 85 sekolah bestari akan dibuka mulai 1 Januari 1999 yang mana konsep itu kemudiannya akan diserapkan ke seluruh sekolah menjelang 2010 dengan membabitkan kira-kira 85,000 pelajar.

Bersesuaian dengan pembangunan MSC, tiga sekolah akan dibangunkan di Putrajaya bagi memanfaatkan kemudahan prasarana di situ terutama sistem rangkaian telekomunikasi bersepadu seperti talian optik gentian, bertindak sebagai tulang belakang telekomunikasi.

Sekolah ini dijangka akan menikmati kemudahan telekomunikasi yang disambungkan ke rumah pelajar bagi membolehkan konsep pembelajaran itu lebih berkesan terutama dengan e-mel.

Selain itu menurut Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, sekolah bestari turut membabitkan empat sekolah di Pudu Hill (Kuala Lumpur) dan 36 sekolah berasrama penuh di seluruh negara.

Selain itu turut dibuka ialah 14 pusat sumber elektronik (Rangkaian Munsyi, projek dibangunkan bersama dengan Telekom Malaysia), 14 sekolah rendah dan 14 sekolah menengah, sebuah bagi setiap negeri.

Perancangan awal kementerian ialah memperkenalkan pendidikan komputer dan pendidikan berbantuan komputer di sekolah terpilih yang kemudiannya diserapkan ke sistem baru konsep pintar.

Prototaip pertama sekolah bestari akan dibina di Cheras dengan perbelanjaan RM144.5 juta yang mempunyai dua sekolah menengah, dua sekolah rendah dan sebuah prasekolah dengan kemudahan panggung multimedia.

Kini kementerian sedang dalam proses menyiapkan spesifikasi kasar empat mata pelajaran penting dan kemudiannya dituruti mata pelajaran lain bagi setiap peringkat iaitu mulai tahun pertama sekolah rendah hingga ke tingkatan lima.

Selepas itu Kementerian akan merujuk kepada kerajaan bagi menentukan kaedah penentuan kerja pengisian dan pembentukan program. Ia kemudiannya akan dibentangkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Terdapat beberapa syarikat yang sudah membangunkan perisian pintar berdasarkan pendidikan luar, tetapi kementerian lebih berminat kepada pendidikan persekitaran Malaysia.

Sekolah bestari itu akan menggabungkan dengan kehendak ciri bersesuaian dengan masyarakat Malaysia dan ia memerlukan penelitian terhadap perkembangan dan kejayaannya terutama di Amerika Syarikat.

Bagi membangunkan konsep itu, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan dipertanggungjawabkan melaksanakan kajian bersepadu dalam mewujudkan sekolah itu.

Najib berkata, dua tahun akan datang, kementerian akan menumpukan perisian dan bahan pengajaran untuk empat mata pelajaran utama untuk kurikulum sekolah itu iaitu Matematik, Sains, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Bagi memantapkan persekitaran sekolah itu, perhatian yang diberikan dalam programnya ialah keadaan saiz kelasnya lebih kecil dengan setiap kelas tidak melebihi 30 pelajar.

Sekolah bestari itu akan menampilkan ciri berbeza daripada sekolah yang sedia ada. Antara ciri itu ialah menghubungkan setiap sekolah dengan rangkaian kawasan tempatan (LAN) melalui persidangan video (VC), pangkalan data dan e-mel dan menghubungkan rangkaian kawasan meluas (WAN) ke sekolah lain, organisasi, daerah, negara dan dunia.

Bagaimanapun, untuk membangunkan sekolah itu ia harus berasaskan kepada teknik multimedia memandangkan teknologi itu berpotensi menarik pelajar melahirkan beberapa penemuan baru.

Malahan menurut Pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kamaruzzaman Matharsha, multimedia akan menjadi asas kepada pembentukan sekolah itu tanpa menggugat kedudukan guru.

"Guru masih lagi menjadi elemen penting pendidikan manakala multimedia akan menjadi alat bantuan guru yang lebih berkesan," katanya.

Konsep pendidikan dalam dunia digital sekarang ialah meyakinkan guru dengan mendedahkan mereka kepada multimedia memandangkan mereka adalah benteng hadapan yang memikul tanggungjawab untuk mengembangkan teknologi itu.

Malaysia mampu membangunkan sekolah bestari walaupun terpaksa melalui banyak pembangunan dan penyelidikan (R&D) selain membabitkan pelaburan besar melalui bantuan pelbagai pihak terutama pengilang IT dunia.

Dalam menjayakan pembangunan sekolah itu, peneraju IT harus turut serta bergabung tenaga sebagaimana dilakukan di Amerika Syarikat, yang mana Oracle Corporation sanggup membuat pelaburan besar dalam sektor itu.

Diharapkan dengan pertemuan Dr Mahathir dengan 30 peneraju utama syarikat IT Amerika Syarikat dan Jepun, ia membuka peluang kepada sekolah bestari untuk menikmati memanfaatkan teknologi dan perkhidmatan syarikat berkenaan.

(END)